

1. Istilah Asas dalam Moral
 - a. Moral – sistem perlakuan berdasarkan prinsip-prinsip yg dianggap benar, baik dan patut dilakukan.
 - b. Akhlak – khuluk (perangai, tlaku, tabiat, pegangan atau agama dan kepercayaan).
 - Sifat semulajadi atau tabiat yang mempamerkan gambaran (zahir) atau rupa batin seseorang.
 - Sains yg mengkaji soal kebaikan dan keburukan serta cara utk mempraktikkan kebaikan dan menolak keburukan.Jenis Akhlak- Islam akhlak dibahagikan kpd 2 iaitu Akhlak yg mulai @ terpuji dan akhlak yg buruk @ tercela.
 - Faktor pembentukan akhlak mulia : agama, diri sendiri, keluarga, pendidikan dan persekitaran.
 - c. Etika - Perkataan etika berasal dari perkataan Inggeris *ethics*. *Ethics* pula berasal dari perkataan Greek *ethos* bermaksud watak atau budaya. Ia merujuk kepada sikap dan adat yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan.

Etika adalah sains menilai dan memahami proses penilaian. Ia berkaitan dengan perlakuan mentafsirkan sesuatu perbuatan tersebut baik ataupun sebaliknya.

Terdapat 2 jenis etika :

 - i. Etika normatif – sifat perlakuan yg unggul dan sepatutnya diterima oleh seseorang.
 - ii. Etika metaetika – mengenalpasti perlakuan2 yang boleh dijadikan contoh

Teori2 yang berkaitan dengan etika iaitu Deskriptif (pernyataan ttg t/laku manusia atau sesuatu masyarakat serta peraturan etika mereka) . Normatif (pernyataan ttg apakah tindakan yg patut kita buat dan apakah tindakan yg betul)

Teori Teologikal bertumpu kpd hasil atau akibat sesuatu tindakan – Perkataan Teologikal berasal drp Yunani bermaksud tujuan atau matlamat. Sesuatu tindakan atau perbuatan yg membawa kebaikan dianggap bermoral manakala yg membawa keburukan dianggap tidak bermoral.

 - 2 aliran pemikiran iaitu Utilitarian (bertindak utk menghasilkan kebaikan/keseronakan maksima kpd bilangan org yg sebanyak mungkin.
 - Egoisme – manusia bertindak demi kepentingan diri kerna dibentuk secara mental untuk berbuat demikian dan terdapat org yg kerap tetapi tidak selalu bertindak demi kepentingan.

Teori deontological ialah betul atau salah tindakan atau jenis tindakan tidak berdasarkan akibat tindakan itu . Deon bermaksud yg diharuskan atau diwajibkan. Prinsip kewajipan –sesuatu tindakan itu mempunyai nilai moral apabila dilakukan dgn kerelaan.
2. Konsep Dalam Moral
 1. Baik, benar dan patut- satu sains yg mengkaji tingkah laku manusia dlm masyarakat dgn cara mentafsir tlaku manusia sebagai benar atau salah .
3. Aliran pemikiran moral
 - i. Naturalis – manusia dan haiwan jauh berbeza . manusia ada akal utk berfikir dan bertindak secara rasional bagi menentukan mana yg baik dan buruk.
 - ii. Emotivis – Pertimbangan moral mengikut emosi, sikap dan perasaan. Pertimbangan moral pula adalah subjektif
 - iii. Intuisiionis – Seseorg menentukan apa yg baik atau tidak mengikut naluri
 - iv. Risonalis – Menitikberatkan penggunaan sebab yg munasabah dlm membuat keputusan dan melakukan

sesuatu. Seseorg perlu mengkaji prinsip dan peraturan moral sebelum menerima atau menolak peraturan tersebut.

Topik 2. Konsep Asas Nilai

1. Pengenalan Nilai
 - a. Definisi – Satu konsep yg kompleks disebabkan berbentuk abstrak dan tidak dapat dilihat atau disentuh .
 - Raths, Harmin, Simon : Nilai sebagai garis panduan umum terhadap tingkah laku
 - Nilai : satu ukuran yg standart dan prinsip kita dlm mempertimbangkan harga sesuatu benda .
 - nilai Moral : standard2, prinsip2 yg mana kita gunakan utk mhakim s.ada tujuan atau perlakuan wajar atau tidak.
 2. Fungsi nilai – memberi rangsangan sesuatu isu atau situasi, nilai boleh menghadakan perlakuan seseorg.
 2. Jenis-jenis Nilai
 - a. Instrumental - Kualiti samada diingini (dikehendaki atau patut dimiliki) atau tidak sebagai alat mencapai matlamat atau nilai lain.cth hukuman gantung pencedar dadah
 - b. Intrinsik - Kualiti samada diingini atau tidak sebagai sesuatu yang muktamad. Manakala nilai intrinsik pula adalah kualiti yang diterima/ditolak semata-mata ia baik/buruk tanpa mengambil kira kesannya. Contoh: Seorang hakim menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada seorang pencedar dadah semata-mata kerana kewajipannya dan segi undang-undang dan bukan atas tujuan membasmi pencedaran dadah.
 - c. Subjektif - Kualiti diingini dan lebih disukai atau yang didapati tidak diingini penutur berdasarkan pendapat atau pandangan seseorg cth serangan US ke atas Iraq.
 - d. Objektif - Kualiti berharga atau bernilai samada lebih disukai atau tidak dan bebas daripada kecenderungan atau keutamaan penutur. (nilai baik atau buruk bebas drp pandangan peribadi) cth peperangan adalah satu tragedi yg dahsyat.
 - e. Relatif - Nilai diingini atau tolak oleh sesuatu masyarakat berdasarkan kebudayaan, adat, agama, kepercayaan dan larangan masyarakat itu. Nilai sama mungkin ditolak oleh masy. Lain cth :pembentukan keluarga Malaysia (kahwin) Usa (tanpa kahwin)
 - f. Mutlak - Nilai yang kebbaikannya tidak bergantung kepada situasi atau peraturan khusus sesebuah masyarakat. Ianya bersifat sejagat atau universal cth Hidup berkeluarga adalah kehidupan yg baik.
 3. Perubahan nilai dalam masyarakat
 - a. Akibat perkembangan dan pengetahuan dan perubahan maklumat.
 - b. Melalui perubahan ideologi dan politik cth nilai patriotisme org melayu semasa zaman jepun dgn sekarang .
 - c. Akibat kebosanan dan salah anggap misalnya hipokrit, birokrasi dll.
 - d. Berpunca drp perubahan persekitaran operatif masyarakat
- ## Topik 3 – Nilai Agama dan masyarakat
1. Nilai agama dan masyarakat
 - a. membentuk sebuah negara yg bangsa yg bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yg dikongsi bersama.
 - b. melahirkan sebuah masy. Malaysia yg bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya
 - c. Membentuk dan memperkembangkan sebuah masy. Yg demokratik.
 - d. membentuk sebuah masy. Yg kukuh ciri-ciri moral dan etikanya.
 - e. membentuk sebuah masy. Yg matang bersifat liberal.
 - f. Masy. Yg bersifat sains serta progresif berdaya cipta dan berpandangan jauh

- g. Membentuk masy. Berbudaya yg berbudaya penyayang.
- h. masy yg adil dari segi pembahagian hasil ekonomi
- i. membentuk sebuah masy yg makmur yg mampu menghadapi persaingan.

Nilai masy. Tradisional

- Nilai keluarga merupakan asas bagi komuniti di Malaysia dgn nilai menghormati ibubapa , orang tua dan orang bijaksana.
- Org Melayu dgn system susun lapis social namun begitu nilai ini semakin pupus dek kerana pembangunan dan sikap cosmopolitan, liberal serta individualistik.
- Bagi kaum cina dan India nilai tradisonal masih lagi dipegang , mereka mampu menangani sesuai dgn perubahan masa sebab mereka lebih dimotivasi

Nilai masyarakat kini

- Menjadikan masyarakat Malaysia yg berdaya saing dan berdaya maju dgn matlamat sebuah masyarakat industri yg adil , bermoral dan rasional dan berkeperibadian sendiri.
- Sains dan teknologi – mengeluarkan barangan dan perkakasan dipasarkan peringkat antarabangsa.
- Teknologi maklumat – dapat mengguna maklumat dgn cepat , dlm masa yg singkat .
- Pasaran dan Industri – bagi mencapai produktiviti negara , keteguhan ekonomi amat penting.
- modenisasi – negara memerlukan ahli fiqir dlm agama bagi membantu mengatasi masalah sosial dlm negara maju.

Peranan Pendidikan terhadap individu

- i. Membentuk ciri-ciri sosial individu : kekeluargaan , komuniti , kebangsaan , kejiranan , organisasi , serantau dan antarabangsa
- ii. Membentuk ciri-ciri positif sosial individu – dari segi akidah dan ilmu.
- iii. Membentuk ciri-ciri Asasi Individu yg cemerlang – mbentuk akhlak dan etika berasaskan agama dan moral yg tinggi, menghormati kebudayaan kaum lain.
- iv. Membentuk individu yg berilmu dan berkemahiran tinggi.

Peranan Pendidikan terhadap Masyarakat

- i. sumber kemahiran dan ketrampilan melaksanakan tjawab
- ii. Sumber kebudayaan dan ilmu kepada generasi berikutnya
- iii. sumber pemupukan kepercayaan dan sistem nilai memberi petunjuk dan panduan yang benar.
- iv. Menyediakan tenaga manusia untuk alam pekerjaan.
- v. Pusat penjagaan belia , remaja dan kanak-kanak kerana kesibukan ibubapa bekerja.

2. Nilai Agama dan kepercayaan

- a. Islam – Arab (sa-la-ma) – suci dan tulen drp sebrg kecacatan zahir dan batin, damai, aman dan sejahtera 2 asas penting dlm islam ialah : Aqidah (keimanan dan kepercayaan kpd Allah yg Esa) , Syariah – undang2 dan hukum islam yg terkandung dlm kitab suci al-Quran dan sunnah.
- 2 cabang akhlak iaitu Mahmuddah (baik) dan mazmummah (keji)
- Hakikat insan – sebagai khalifah dan kejadiannya yg istimewa.
- Hakikat alam – hidup ni sementara jadi perlu mbuat kebaikan di muka bumi , manusia menjaga danmeneroka alam ini yg ditadbir oleh Allah.
- Sifat2 Mahmudah
- i. Hikmah- berpengetahuan luas dan bijaksana berlandaskan al-quran,al-sunnah dan alam syahadah. : rasional, celik akal , maarifah (yakini) , bercakap benar, menegakkan kebenaran, kesyukuran , Takutkan Allah , kerajinan, prihatin, berketrampilan .
- ii. 'Adaalah – meletakkan sesuatu ditempat yg benar mengikut syariah islamiah : kasih sayang, silaturahmi , berterima kasih, baik pertimbangan , tolenrasi, saling bermaafan, bermalwah (hiasi diri dgn budi pekerti) , ibadah (abdikan diri) , sensitif kpd kezaliman , kejujuran, kerjasama, semangat bermasyarakat, bermuafakat.
- iii. Iffah –Mengawal nafsu drp perkara2 yg haram dan syubhah : Malu, kesopanan, Sabah (tenang, tabah,redha dll

), baik hati , murah hati , kebebasan, Qana'ah (redha dgn ketentuan Allah),berdisiplin, daya usaha, sejahtera, wara' , wasatiah (sikap tidak keterlaluan), kebersihan, menghargai masa , dedikasi.

iv. Syaajaah – sanggup berjuang mempertahankan agama, diri, akal, keturunan , harta negara dll. : berjiwa besar , yakin diri, hemah tinggi, tetap pendirian, istiqamah (tetap,tekal, berterusan membuat amalan baik), berani mencuba, tahan lasak , berdikari, berani berjihad.

b. Kristian – diasaskan Jesus Christ di selatan Isreal.

- Undang2 tuhan yg terpenting ialah m,encintai tuhan dgn sepenuh hati , mencintai jiran seperti mencintai diri sendiri dan mencintai satu sama lain sepertimana jesus mencintai umatnya.

c. Budhisme – budha tidak mengajar pengikutnya ttg ketuhanan , metafizik atau falsafah tetapi pandangn ttg psikologi , etika, moral atau nila sama ada baik atau betul di dalam kehidupan.

d. Taoisme – sesuatu tindakan adalah bersifat semulajadi dan bukan dipaksa.

e. hinduisme dan sikhbaca sendiri ahh.

Topik 4 – Isu Moral tempatan

1. Keganasan terhadap keluarga
 - a. Rogol / sumbang Mahram sebab berlaku : sikap ingin tahu yg keterlaluan , kebanjiran bahan2 erotik (VCD lucah), kurang didikan agama, kesan pengaruh dadah dan alcohol
 - b. Keganasan rumah tangga - jenayah terhadap suami , isteri dan anak. Faktor2 yg mendorong :
 - i. Personaliti ibubapa – x tjawab, penagih , pemabuk dll
 - ii. Personaliti anak – sukamenangis , nakal , seksi, diasuh bibik
 - iii. Campur tangan keluarga – mentua atau ipar

Penderaan Fizikal – keganasan secara fizikal terhadap kanak2 oleh ibubapa/penjaga atau sesiapa saja yg bertanggungjawab.

Penderaan Seksual – segala bentuk aktiviti seksual yg mempunyai tujuan memenuhi nafsu seks org dewasa melalui pelbagai cara terhadap kanak2.

Penderaan emosional –bentuk gangguan psikologi teruitama dr segi mental dan emosional s/ada didera dan dianiayai oleh ahli keluarga yg terlibat .

Pengabaian Kanak2- pengabaian terhadap penjagaan kanak2 drp segi keperluan asas spt keselamatan , makanan berkhasiat , pendidikan , rawatan emosi dan fizikal.

2. Isu-isu Moral Sekolah

- a. Vandalisme – rakan sebaya , ibu bapa , media massa , sikap
- b. Peras ugut / kongsi gelap/ buli -
 - Ciri-ciri Ramaja Devian :
 - Mpunyai hubungan sentimental tpi kasar dgn org lain
 - kehidupan harian tidak teratur
 - lebih mengemari unsur suspen
 - mempunyai potensi mempenraguhi orang lain
 - bercakap kasar
 - berasa kehidupan keluarga tidak memuaskan
 - mempunyai kepercayaan diri yg rendah
 - mengalami ketidakselarasan antara diri yg sebenar dgn yg ideal
 - kurang kepercayaan bagi mengawal kehendak impulsif

Teori2 Punca salah laku

- i. Teori fungsionalisme – menganggap devian sbgai tdak mmpunyai peranan kpd struktur sosial.
- ii. Teori konflik – devian adalah tindakan golongan tertindas ke atas pihak minoriti yg menindas.
- iii. Teori subbudaya – devian berpunca drp budaya kumpulan yg berbeza drp budaya masyarakat.

iv. Teori interaksionalisme – devian sebagai perkara subjektif dan proses sosial. Remaja memilih t/laku secara sengaja dan sesuai dgn cra interpretasi mrk.

Kategori perlakuan devian :

- i. Inovasi : memenuhi matlamat dgn cara yg salah
- ii. Ritual : Tindakan mengulang perbuatan.
- iii. Undur : tidak berminat dgn matlamat lalu melakukan alternatif lain.
- iv. Menentang : menolak matlamat persekolahan dan ganti matlamat lain .

Punca salah laku remaja :

- i. Ketidakstabilan mental – penyakit jiwa waras (menagih , murung , jiwa tertekan , mabuk , rokok dll) , penyakit jiwa yg serius (gila atau hilang kewarasan akal)
- ii. Latarbelakang kehidupan – sejarah hidup , keluarga porak poranda , petunjuk psikologi (nampak lembut tapi bertindak kejam)
- iii. Proses urbanisasi – ada nilai individualistik dan materialistik.

3. Penyalahgunaan Teknologi Maklumat
 - a. Pornografi : Lambakan VCD lucah
 - b. Cybercafe : ketagihan internet – bahan yg tidak sesuai tanpa sekatan dan panduan org dewasa.

Topik 5 – Isu Moral Sejagat

1. Seksualiti
 - a. Pergaulan bebas
 - b. Hubungan sejenis :Jenis2 hubungan sejenis
 - i. Homoseksual terangan- menerima dan mempamerkan kepada orang ramai.
 - ii. HomoseksualTerdesan – sudah berkahwin tetap menjalani homoseksual secara sembunyi .
 - iii. Homoseksual sulit – golongan pertengahan, sudah bernikah dan tiada siap tahu kecauli teman rapat .
 - iv. Homoseksual berkeadaan – melakukan dlm keadaan tertentu spt dlm penjara , asrama dll.
 - v. Biseksual – aktiviti homoseksual dan hetroseksual.
 - vi. Homoseksual selesa – hidup sesama kaum spt lesbian dan gay .

Faktor penyebab :

- i. Keluarga – pengalaman / trauma , persekitaran .
- ii. Biologi – perasaan semulajadi , hormon yg dikeluarkan tanpa kawalan .
- iii. Pendorong individu – proses pembelajaran sewaktu kecil , berkurang rasa kepercayaan kpd ibu / ibu sedara (lesbian) dan sebaliknya .
- iv. Penarik individu terhadap homoseksual – keinginan perasaan , harga diri tak boleh drp hubungan lain, ketakutan kpd kaum bertentangan jenis .
- v. Peranan utama aktiviti seksual – aktiviti pertama menyeronokkan , pendedehan yg berleluasa.

Kesan hubungan sejenis

- i. memusnahkan kekuatan moral masyarakat
- ii. tidak perlu diberi hak-hak istimewa
- iii. Mencereminkan kemunduran masyarakat
- iv. Membunuh institusi keluarga
- v. Bertanggungjawab terhadap gejala kurang sihat dan kepelbagaian masalah kesihatan spt aids dan std.
- vi. Di diskriminasikan

2. Keganasan global
 - i. peperangan
 - ii. Pengganas
 - iii. Diskriminasi Ras / Agama – Yahudi , Selatan Thailand, Iraq
3. Kemajuan sains dan Teknologi
 - i. Kloning :
 - a. Klon janin atau embrio – dijalankan keatas haiwan ternakan menjdi lebih kuat.

b. Klone mguna teknik pemindahan nucleus – mencipta seekor kambing yg dinamakan Dolly.

c. pengklonan dna dewasa melalui teknik nuclear transfer – sehingga melahirkan Eve di Eropah. Tjuannya :

- i. memperolehi stem cell yg akan membantu pertumbuhan sel baru.
- ii. Bagi mencipta organ2 baru.
- iii. Membantu pesakit yg memerlukan pemindahan air tulang sum-sum.
- iv. membantu meningkatkan pengetahuan ttg penyakit kronik .

ii. Jenayah siber: Kategori jenayah siber :

- Terhadap harta benda (curi , menipu, pemalsuan, khianat) – mencuri maklumat peribadi, memindahkan wang dari satu akaun ke akaun lain , capaian tanpa kuasa di laman web berbayar (hackers).
- Terhadap manusia – pornografi , gangguan siber , pencerobohan siber , keganasan siber –seraangan terhadap maklumat

iii. Penggunaan bahan kimia berlebihan dalam penghasilan makanan.

- a. Pengawet asid benzonik – jem , sos , cili boh – sebagai agen antibakteria dan antikulat.
- b. Pengawet nitrat dan nitrit – digunakan utk hasilan makanan diperbuat drp daging bagi mencegah pertumbuhan mikro-organisma.
- c. Bahaya formaldehid dlm makanan – pada ikan segar utk menyegarkan ikan serta mengawet. Kesannya pengecilan saluran pernafasan disamping meninggalkan kesan pedih pada mata dan kulit .

Sekian... selamat berpuasa drp cg zul